

**TEKS UCAPAN**

**PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**PESTA KRISMAS 2017**

**16 DISEMBER 2017 (SABTU) | 7:00 MALAM  
KOMPLEKS DEWAN KULIAH PUSAT KE-2  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Salam Sejahtera, Salam EcoCampus dan Salam  
Negaraku Sehati Sejiwa

SALUTASI

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus  
Johnity Ongkili  
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Yang Berbahagia Prof. Dr Ismail Ali  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan  
Alumni) UMS

Saudara Alvin Roy bin Oilon  
Pengarah Pesta Krismas 2017  
Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti, Para  
Tetamu Jemputan, Para Pelajar UMS, Sahabat  
Media, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian.

Saya amat berbesar hati dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang akan merasmikan pesta ini sebentar sahaja lagi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Seri, tahun ini merupakan tahun keenam Universiti Malaysia Sabah menganjurkan Pesta Krismas.

Acara ini turut disertai oleh pelbagai kaum dan anutan agama di dalam kampus UMS. Majlis seperti ini melambangkan semangat HARMONI dan semangat 1 Malaysia yang ada dalam kalangan siswa siswi UMS. Negara kita berwawasan untuk mencapai semangat 1 Malaysia dalam kalangan rakyat dan majlis seumpama ini mampu membantu siswa siswi memupuk dan meningkatkan semangat toleransi yang tinggi bermula dari universiti sehinggalah ke seluruh pelusuk negara.

Justeru, majlis ini boleh menjadi salah satu landasan untuk mempersiapkan siswa siswi menjadi warganegara yang mementingkan perpaduan dan keharmonian sesama sendiri.

**Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,**

Majlis ini tidak akan berjaya dilangsungkan tanpa kehadiran anda semua. Selain berkumpul dan meluangkan masa untuk merayakan Krismas,

majlis ini juga membawa maksud yang tersirat iaitu perpaduan antara kaum di Malaysia. Majlis ini juga sebenarnya menyumbang kepada perkembangan jati diri dan kemahiran sahsiah kepada pelajar universiti ini. Justeru, pihak universiti tidak ingin melepaskan peluang untuk mengadakan majlis ini bagi tujuan perkembangan sahsiah serta mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan siswa siswi.

UMS akan terus menyokong pelaksanaan majlis berkaitan budaya dan agama masyarakat Malaysia dengan harapan acara seperti ini boleh menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan siswa siswi. Antara perayaan yang diraikan secara besar-besaran di UMS adalah Pesta Cahaya, Pesta Tionghua, Pesta Kebudayaan Jepun dan beberapa acara yang lain.

**Hadirin hadirat sekalian**



UMS berhasrat untuk melahirkan siswa siswi yang mengamalkan nilai-nilai murni bagi memperkukuhkan keupayaan untuk bekerjasama dengan variasi kumpulan dalam masyarakat. Penganjuran majlis besar sebegini bukan sahaja menyumbang kepada kemajuan siswa siswi dalam proses pelaksanaan majlis,

bahkan komitmen yang diberikan bagi menjayakan majlis ini dapat mencungkil dan memanfaatkan potensi komunikasi dan kemahiran mereka ketika bekerjasama dengan pihak luar.

Komitmen yang ditunjukkan ini melambangkan kemahiran insaniah siswa siswi yang kukuh dan kejayaan mereka memberi imej bahawa universiti ini mampu menghasilkan individu yang berkebolehan tinggi dan bertahap antarabangsa.

Akhir kata, tahniah kepada seluruh jawatankuasa Pesta Krismas 2017 kerana sekali lagi dapat merealisasikan majlis ini dengan jayanya. Saya berharap Pesta Krismas terus dapat dilaksanakan untuk tahun-tahun seterusnya dengan matlamat membentuk siswa siswi yang berjaya dan berwawasan tinggi.

Sekian, terima kasih.